

NO. SOALAN:2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 12 MAC 2014

SOALAN :

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) kedudukan terkini projek PRIMA sejak ia dilaksanakan dan jumlah unit rumah yang telah disiapkan, lokasi dan harganya; dan
- (b) adakah projek PRIMA ini akan dilaksanakan di negeri Melaka, jika ya, nyatakan lokasi, jumlah unit, jenis rumah dan anggaran harganya.

JAWAPAN: YB DATO'SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman, mandat PR1MA bagi tahun 2013 dan 2014 adalah menyediakan 80,000 unit rumah masing-masing. Tumpuan pembangunan PR1MA adalah di bandar-bandar besar dan pinggiran bandar di seluruh negara. Pada masa kini, projek-projek PR1MA sedang dilaksanakan di pelbagai peringkat. Sesetengah daripadanya sedang di dalam proses penilaian dan perancangan, memperoleh kelulusan dari pihak berkaitan serta dalam peringkat pembinaan. Harga rumah PR1MA yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 – RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan. Dalam ertikata lain, harga rumah PR1MA adalah mencecah 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut.

(b) PR1MA sedang mengenalpasti beberapa lokasi di Melaka dan sedang giat menjalankan kajian mengenai analisis pasaran dan permintaan di kawasan-kawasan tersebut untuk memastikan pembangunan adalah *feasible* (dengan izin). Insyaallah Mesyuarat Anggota PR1MA akan datang akan melihat beberapa cadangan pembangunan di Melaka. Jenis pembangunan yang dicadangkan adalah rumah pangapuri dan rumah teres. Memandangkan cadangan pembangunan masih di peringkat awal, PR1MA masih belum menetapkan harga jualan bagi cadangan pembangunan di kawasan ini.

Sekian, terima kasih.